



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 21 OKTOBER 2024

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KPKM TERIMA PERUNTUKAN RM300 JUTA DALAM BELANJAWAN 2025, SH -ONLINE MTL: KERAJAAN IKHTIAR PASTIKAN BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI, SH -ONLINE DUA TAN BERAS SIAM TEPI JALAN, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4.	RABIES RAGUT ENAM NYAWA DI SARAWAK, LOKAL, HM -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	PROGRAM MADANI RAKYAT 2024 PLATFORM USAHAWAN OKU SABAH KETENGAH PRODUK JUALAN, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7.	'SOIL NEEDS REST IN FIVE-SEASON PADI CULTIVATION', NATION, THE STAR -12 SOIL, WATER MANAGEMENT VITAL FOR FIVE-SEASON PADI CULTIVATION, NATIONAL, THE SUN -4	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9.	PERUNTUKAN RM41 JUTA PUSAT TERUS KEPADA KADA, HAKAKAH DAILY -ONLINE KELANTAN NAFI TERIMA PERUNTUKAN RM20 JUTA, LOKAL, HM -19	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
10.	AGROBANK LANCAR PROGRAM HIJRAH ASNAF TANAMAN KELAPA, KOSMO -ONLINE	AGROBANK
11. 12. 13. 14.	HARGA IKAN, HASIL LAUT MENINGKAT SEJAK FENOMENA AIR PASANG BESAR, LOKAL, HM -19 DOMESTIC AGRICULTURE SECTOR OUTLOOK REMAINS FAVOURABLE, BIZ & FINANCE, THE SUN -17 BENDI THAILAND JEJAS JUALAN PETANI TEMPATAN, NASIONAL, BH -14 TINGKAT PENGELUARAN PADI, SASAR BERAS JENAMA SENDIRI, NASIONAL, SH -24	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

KPKM terima peruntukan RM300 juta dalam Belanjawan 2025



Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2025 Malaysia Madani di Dewan Rakyat pada Jumaat. Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerima peruntukkan sebanyak RM300 juta bagi tujuan menjalin kerjasama projek pertanian dengan kerajaan negeri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, dalam belanjawan kali ini, kerajaan menambah sebanyak RM150 juta kepada kementerian berkenaan ekoran kesungguhan yang ditonjolkan.

“Antara kelemahan ketara sekarang, kerana kita terlalu bergantung kepada import makanan walhal tanah subur dan kemampuan meningkatkan keterjaminan makanan negara.

“Kita ucap tahniah kerana kesungguhan kementerian dalam bidang ini maka ditambah RM300 juta bagi menjalin kerjasama projek pertanian dengan kerajaan negeri, menokok ketimbang RM150 juta tahun ini.

“Ini termasuklah pengeluaran bawang di Perak, ternakan tilapia merah di Pahang dan peningkatan hasil padi di Negeri Sembilan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Belanjawan 2025 Malaysia Madani di Dewan Rakyat pada Jumaat.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut memaklumkan, kerajaan bersama badan swasta akan memanfaatkan hampir 3,561 hektar tanah terbiar milik lembaga kemajuan wilayah dan agensi rangkaian.

Jelasnya, ia bertujuan untuk melaksanakan projek pertanian seperti perusahaan ayam organik dan lembu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

MTL: Kerajaan ikhtiar pastikan bekalan makanan mencukupi



Mohamad (tiga dari kiri) ketika meninjau operasi pendaratan ikan tuna di Dermaga Dalam, Butterworth pada Ahad.

BUTTERWORTH - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan berikhtiar bagi memastikan bekalan makanan mencukupi susulan fasa Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka melanda

beberapa negeri menjelang hujung tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, meskipun bukan 100 peratus jaminan diberikan namun pihaknya akan terus berikhtiar dengan memanfaatkan segala sumber dan pengalaman yang ada bagi memastikan bekalan makanan mencukupi.

Menurutnya, persediaan rapi sudah dilakukan oleh agensi berkaitan selepas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mengarahkan supaya semua jentera dibawahnya bersiap sedia.

"Persediaan memang ada Insya-ALLAH. Mencukupi atau tidak, saya yakin dengan pengalaman yang lama. Insya-ALLAH kita dapat sediakan bekalan makanan dengan cukup.

"Jaminan ini kita boleh ikhtiar sebagai contoh Amerika Syarikat, negara yang paling maju pun, lihatlah apa yang berlaku ketika ditimpa bencana. Maka, kita bersedia dan cuba mencari ikhtiar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau operasi pendaratan ikan tuna di Dermaga Dalam di sini pada Ahad.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai persediaan KPKM memastikan sekuriti makanan mencukupi ketika menghadapi MTL yang dijangka bermula November ini yang berpotensi mengakibatkan hujan lebat dan banjir di beberapa kawasan seluruh negara.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan berlaku kenaikan harga bekalan makanan pada musim tersebut nanti.

"Mungkin harga akan berlaku turun naik dan sebagainya, namun Insya-ALLAH bekalan makanan mencukupi," katanya.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) sebelum ini menjangkakan MTL akan berlaku pada awal bulan depan berdasarkan faktor klimatologinya.

Ketika ini, Malaysia masih berada dalam fasa peralihan monsun bermula 24 September lalu dan ia dijangka berterusan sehingga awal bulan depan.

Fenomena banjir juga dijangka melanda beberapa negeri juga mungkin disebabkan MTL.

Dua penyeludup lari elak dicekup

Dua tan beras Siam tepi jalan

Oleh MUHAMMAD AYMAN CHAFFA

KOTA BHARU – Dua penyeludup bertindak 'cabut lari' meninggalkan dua kenderaan dipandu mereka yang membawa dua tan beras Siam bernilai RM8,000 selepas kegiatan mereka disedupkan anggota Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) di dua lokasi berasingan, di sini dan Pasir Mas kelmarin.

Komander Briged Tenggara PGA, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, rampasan pertama dijalankan di Kampung Jias, Beta Hulu di sini kira-kira pukul 9 pagi selepas menahan sebuah kereta jenis Proton Waja.

Menurutnya, kereta tersebut ditahan selepas didapati dipandu dalam keadaan mencurigakan semasa anggota PGA menjalankan Op Taring Wawasan Kelantan.

"Seorang lelaki dilihat keluar dan melarikan diri meninggalkan kereta yang dipandunya itu di tepi jalan.

"Pemeriksaan di dalam kereta tersebut menjumpai sebanyak 800 kilogram (kg) beras bernilai RM3,200 yang dipercayai di-

seludup dari Thailand tanpa dokumen sah," katanya dalam kenyataan semalam.

Nik Ros Azhan memberitahu, rampasan beras seludup kedua dijalankan semasa anggota Batalion 8 PGA menjalankan Op Taring Wawasan Kelantan di tepi jalan Kampung Banggol Chica, Pasir Mas, dekat sini kira-kira pukul 9.30 pagi.

Katanya, sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) Mitsubishi Pajero ditahan di kawasan tersebut sebelum seorang lelaki dilihat lari meninggalkan kenderaan yang dipandunya itu.

"Pemeriksaan di dalam SUV itu menemui sebanyak 1,200kg beras yang dipercayai diseludup dari Thailand.

"Beras-beras tersebut dianggarkan berjumlah RM4,800 dan keseluruhan rampasan termasuk SUV yang ditinggalkan suspek bernilai RM30,000," ujarnya.

Katanya, kesemua beras dan kenderaan yang dirampas diserahkan kepada kompeni taktikal Jeram Perdah, Pasir Mas untuk tindakan lanjut.

Kedua-dua kes itu disiasat mengikut Seksyen 20 Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994.



MITSUBISHI Pajero membawa 1.2 tan beras Siam seludup yang ditinggal di tepi jalan Kampung Banggol Chica, Pasir Mas kelmarin. – IHSAN PCA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	6

Rabies ragut enam nyawa di Sarawak

Langkawi: Wabak rabies atau penyakit anjing gila meragut enam nyawa yang direkodkan di Sarawak tahun ini sekali gus mencetuskan kebimbangan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dr Akma Ngah Hamid berkata, justeru, pemilik anjing peliharaan harus memastikan haiwan itu mendapat suntikan anti-rabies.

“Bermula kes pertama rabies dilaporkan di Sarawak pada Julai 2017 hingga hari ini, 81 kes jangkitan dalam kalangan manusia dengan 74 kematian direkodkan di negeri itu.

“Namun, di Kedah kes rabies terakhir berlaku pada 2018 di daerah Kubang Pasu, bagaimanapun kes itu dikawal dengan baik,” katanya dalam uca-

pan aluan pada Majlis Perasmian Hari Kebajikan Haiwan & *World Rabies Day* Peringkat Negeri Kedah di Pusat Beli Belah Langkawi Fair di sini, semalam.

Perasmian disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Pengangkutan negeri, Dzowahir Ab Ghani.

Sementara itu, Dzowahir dalam ucapannya berkata,

kerajaan negeri terus komited dan sentiasa mengambil pelbagai langkah bagi menangani isu penularan wabak rabies di negeri ini.

“Langkawi yang kedudukannya hampir dengan negara jiran dikenal pasti sebagai daerah berisiko tinggi kerana negara itu (Thailand)) masih merekodkan kes positif rabies,” katanya.



AM > BERITA

Program MADANI Rakyat 2024 Platform Usahawan OKU Sabah Ketengah Produk Jualan

🕒 20/10/2024 07:12 PM



--foto FB Anwar Ibrahim

KOTA KINABALU, 20 Okt (Bernama) -- Program MADANI Rakyat 2024 Sayangi Sabah menjadi platform kepada seorang usahawan orang kurang upaya (OKU) di sini mengetengahkan produk perniagaannya sendiri, sehingga mampu mencapai keuntungan dua kali ganda.

Mohd Jan Jamnu, 40, usahawan OKU yang mengusahakan produk makanan dibuatnya sendiri antaranya sambal berkata program seperti itu, patut lebih banyak diadakan di negeri ini berikutan kurangnya pendedahan masyarakat mengenai perkara ini, sehingga mengurangkan peluang pengusaha OKU memperkenalkan produk masing-masing.

"Tidak ramai masyarakat tahu mengenai keunikan dan potensi usahawan OKU, justeru program seperti ini sedikit sebanyak dapat membantu pengusaha seperti kami meningkatkan hasil jualan sehingga dua kali ganda," katanya yang menggunakan kaki palsu kepada Bernama.





Mohd Jan berkata beliau juga ingin mengucapkan terima kasih kepada agensi kerajaan seperti Koperasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) serta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), kerana telah banyak membantu beliau dan isteri mengusahakan produk makanan sejak tahun 2020.

“Saya mula berniaga nasi lemak dan kuih-muih pada tahun 2016, namun pada tahun 2019 saya ditemui pihak Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR), yang mengalakkan saya untuk berjualan di sebuah program jualan di daerah Likas,” katanya.

Mengenai Program Madani Rakyat 2024 Sayangi Sabah yang telah berlangsung selama tiga hari dan akan berakhir pada hari ini di pekarangan Kompleks Sukan Likas, Mohd Jan bersama isteri tidak mahu melepaskan peluang mempromosikan produk makanan sambal yang mereka usahakan.



“Alhamdulillah selama tiga hari penganjuran program ini, tidak dinafikan ada peningkatan yang ketara kira-kira dua kali ganda daripada segi jualan berbanding hari-hari biasa,” katanya.

Beliau turut berkata produk sambal yang diusahakan dengan menggunakan jenama sendiri 'Bang Muq' yang terdiri daripada pelbagai jenis sambal seperti ikan masin, tuhau dan sotong mendapat sokongan yang tinggi daripada pengunjung yang hadir ke program tersebut.

“Untuk itu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya Kerajaan Madani, kerana banyak membantu kami sebagai pengusaha OKU mengetengahkan jualan kami kepada masyarakat,” katanya.

-- BERNAMA

'Soil needs rest in five-season padi cultivation'

KUALA LUMPUR: In addition to considering weather factors, prioritising effective soil and water management is essential to maximise the outcomes of the five-season padi cultivation project within two years, says an academic.

Prof Datuk Dr Nasir Shamsudin of the Putra Business School said this will enhance the country's self-sufficiency ratio (SSR) in staple food production.

He said neglecting soil and water management could lead to a decrease in rice crop yields per season as the soil may not receive sufficient "rest" periods.

"The processes of soil restoration and proper water management are crucial to maintaining fertility and productivity – however, fertile soil is not the only determinant of successful five-season padi cultivation.

"It is vital to approach this innovatively.

"Those involved also must possess entrepreneurial traits," he told Bernama.

He said they must integrate modern and digital agricultural technologies to foster more sustainable practices and effectively enhance food security.

Prof Nasir also views the government's initiatives to boost the country's rice yield as a positive strategy, noting that Malaysia's rice SSR stood at only 56.2% in 2023, while the National Agrofood Policy 2.0 targets 80%.

When presenting Budget 2025 in the Dewan Rakyat last Friday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced an allocation of nearly RM1bil to initiate the five-season padi planting project within two years.

This is part of Phase 1 under the Muda Agricultural Development Authority (Mada), covering about 11,000ha.

The initiative aims to boost rice yields by 15% while increasing the income of 6,100 padi farmers by 43%.

National Fishermen's Association chairman Abdul Hamid Bahari said the increase in subsidies for fishermen will help the fishing community cover their daily operating costs and enhance their standard of living.

"The initiative not only increases the catch, but also benefits the entire fishing industry and the local economy," he said.

He noted that the ceiling rate for new construction or relocation assistance for fishermen's houses has been raised to RM84,000, up from RM56,000, in the peninsula.

For Sabah and Sarawak, it is an increase from RM68,000 to RM90,000, he said, adding that the initiatives can significantly improve the quality of life for fishermen.

Soil, water management vital for five-season padi cultivation

KUALA LUMPUR: In addition to paying attention to weather factors, prioritising effective soil and water management is essential to maximise the outcomes of the five-season *padi* cultivation project within two years and enhance the country's self-sufficiency ratio (SSR) in staple food production, Bernama reported.

Putra Business School Prof Datuk Dr Nasir Shamsudin said neglecting soil and water management could lead to a decrease in *padi* yields per season, as the soil may not receive sufficient "rest" periods.

"The process of soil restoration and proper water management are crucial for maintaining fertility and productivity. However, fertile soil alone is not the only determinant of successful five-season *padi* cultivation.

"It is vital to approach this innovatively. Those involved must possess entrepreneurial traits and integrate modern and digital agricultural technologies to foster more sustainable practices and effectively enhance food security."

Nasir said the government's initiative to boost the country's *padi* yields is a positive strategy, as Malaysia's rice SSR stood at only 56.2% in 2023, while the National Agrofood Policy 2.0 aims for a target of 80%.

When presenting Budget 2025 in the Dewan Rakyat on Friday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced an allocation of nearly RM1 billion to initiate the five-season *padi* planting project within two years by the Muda Agricultural Development Authority, covering approximately 11,000ha.

The initiative aims to boost *padi* yields by 15% while increasing the income of 6,100 farmers by 43%.

Meanwhile, National Fishermen's Association chief Abdul Hamid Bahari said the increase in subsidies for fishermen would help the fishing community cover daily costs.

He said the ceiling rate for new construction or relocation assistance for fishermen's houses has also been raised to RM84,000, up from RM56,000 previously in the Peninsula, and to RM90,000 in Sabah and Sarawak, an increase from RM68,000, which can improve their quality of life.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2024	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Peruntukan RM41 juta Pusat terus kepada KADA



KOTA BHARU: Kelantan telah menerima peruntukan RM20 juta untuk mereka bentuk, membina dan menyiapkan pam mudah alih di Kemubu dan di Lemal sebagaimana diumumkan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim sebelum ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri

Agromakanan dan Komoditi Negeri, Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, semua peruntukan itu disalurkan terus kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan bukannya melalui kerajaan negeri.

“Peruntukan tersebut melibatkan pembekalan, pemasangan 88 cusec pam dengan lapan nos di Kemubu dan empat nos di Lemal, proses pengukuhan tebing dan kerja-kerja yang berkaitan,” katanya.

Dalam kenyataannya hari ini beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sudah memilih kontraktor dan kerja-kerja pembinaan akan bermula pada penghujung Oktober ini yang mana projek tersebut dijangka siap Julai 2025.

Katanya lagi, selain itu kerajaan negeri sudah meluluskan cadangan pelaksanaan projek pembaikan cerucuk keping di Stesen Pam Kemubu sebagaimana yang telah dibentangkan oleh pihak KPKM dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 18 September lalu.

Tambah ADUN Selising itu lagi, projek pembaikan cerucuk keping Kemubu itu melibatkan peruntukan sebanyak RM21 juta di mana juga telah disalurkan terus kepada pihak KADA bertujuan untuk membaiki benteng air sementara Kemubu.

“Benteng air sementara Kemubu telah dibina oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pada tahun 1981 dan Low Weir Kasa telah dibina oleh Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP) pada tahun 2016 bertujuan meninggikan paras air Sungai Kelantan.

“(Tetapi ia) tidak lagi berfungsi secara optima disebabkan kerosakan. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bagi Kerja Pembaikan Benteng Sementara Pembaikan Cerucuk Keping Kemubu telah diadakan pada 8 Oktober lalu,” katanya. – **HARAKAH DAILY 20/10/2024**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2024	KOSMO	ONLINE	

Agrobank lancar Program Hijrah Asnaf Tanaman Kelapa



Sebahagian daripada peserta bergambar dengan tetamu dan pengurusan kanan Agrobank pada majlis pelancaran Program Hijrah Asnaf Tanaman Kelapa di Padang Besar baru-baru ini.

PADANG BESAR – Agrobank dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bekerjasama memperkasakan golongan asnaf dan B40 menerusi aktiviti pertanian program

Hijrah Asnaf Tanaman Kelapa.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kelapa mempunyai prospek luas dalam pasaran kerana penggunaannya yang pelbagai.

“Agrobank telah melancarkan projek pertanian komersial yang memberi tumpuan kepada penanaman kelapa bagi membantu golongan belia asnaf dan B40.

“Program ini menyediakan latihan, bimbingan serta sokongan kewangan kepada peserta terpilih untuk memulakan projek mereka menerusi dana zakat Agrobank dan geran iTEKAD Bank Negara Malaysia dengan peruntukan lebih RM1 juta,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Menurut Tengku Ahmad Badli Shah, pendapatan peserta dijangka mencecah RM4,000 sebulan melalui penjualan hasil tanaman kelapa.

“Seramai peserta 20 peserta akan diberi tanah seluas satu hektar untuk diusahakan di bawah pemantauan syarikat peneraju.

“Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan taraf hidup peserta tetapi turut menyokong pertumbuhan industri kelapa di Malaysia,” katanya.

Terdahulu, Agrobank turut menyampaikan sumbangan RM1,000 kepada Masjid Nurul Iman Felcra Lubuk Sireh dan bantuan bernilai lebih RM20,000 serta bakul makanan kepada 163 orang asnaf. -KOSMO! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2024	HARIAN METRO	LOKAL	19

Harga ikan, hasil laut meningkat sejak fenomena air pasang besar

Kuala Kedah: Harga ikan dan hasil laut meningkat disebabkan tangkapan berkurangan selain fenomena air pasang besar yang melanda sejak, Jumaat lalu.

Tinjauan di pelantar ikan Kampung Seberang Kota di sini mendapati pendaratan ikan berkurangan disebabkan nelayan kurang turun ke laut.

Harga ikan kembung dijual antara RM10 hingga RM12 sekilogram (saiz sederhana) manakala udang rotan sekilogram RM25, ketam bunga RM45 sekilogram, sotong RM25 sekilo (saiz sederhana).

Peniaga ikan, Melati Madun, 41, berkata, harga ikan kembung bersaiz sederhana dijual pada harga RM10 hingga RM12 sekilogram

berbanding RM5 sekilogram sebelum ini.

Katanya, hasil tangkapan berkurangan sejak seminggu lalu dan mereka hanya menjual antara tiga kilogram semalam.

"Jumlah tangkapan nelayan berkurangan dan kami terpaksa menaikkan harga disebabkan harga peraih juga meningkat.

"Jika ikan terus berkurangan, berkemungkinan harga ikan dan hasil tangkapan laut akan terus meningkat," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Melati berkata, air pasang besar yang melanda kawasan Kuala Kedah turut menyebabkan pelantar ikan itu dinaiki air sedalam kira-kira 0.5 meter sejak awal pagi Jumaat lalu dan

awal pagi semalam.

Seorang lagi peniaga ikan, Khatijah Ahmad, 58, berkata, kebanyakan nelayan tidak berani keluar pada waktu malam disebabkan ombak serta air pasang besar menyebabkan hasil tangkapan ikan berkurangan.

Katanya, nelayan yang keluar jam 5 pagi dan hanya mampu memperoleh tiga atau empat kilogram ikan disebabkan angin kuat.

"Ikan yang kami jual kebanyakan yang ditangkap sekitar jam 9 malam dan yang tangkapan waktu pagi pula agak kurang.

"Paling banyak permintaan adalah ikan kembung, tetapi sukar nak dapat ketika ini malah mungkin harganya akan meningkat," katanya.



KHATIJAH menjual ikan kembung saiz sederhana pada harga RM10 sekilogram berikutan hasil tangkapan kurang akibat fenomena air pasang besar. - Gambar NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

PAM MUDAH ALIH

Kelantan nafi terima peruntukan RM20 juta

Kota Bharu: Kerajaan Kelantan menafikan menerima peruntukan untuk projek mereka bentuk, membina dan menyilapkan Pam Mudah Alih di Kemubu dan di Lemal bernilai RM20 juta yang diumumkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebelum ini.

Sebaliknya Pengerusi Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi negeri, Datuk Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, peruntukan berkenaan disalurkan terus kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) dan tidak melalui kerajaan negeri.

Katanya, peruntukan itu membabitkan pembekalan dan pemasangan 88 cusec pam dengan 8 nos di Kemubu dan 4 nos di Lemal, proses pengukuhan tebing dan kerja berkaitan.

"Adalah dijangkakan pihak kontraktor yang dipilih oleh pihak Kementerian akan mula beroperasi pada penghujung Oktober 2024 dan jangkaan siap pada Julai 2025.

"Manakala bagi cadangan pelaksanaan Projek Pembaikan Cerucuk Keping (Sheet Pile) di Stesen Pam Kemubu yang dibentangkan pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kelantan pada 18 September lalu juga mendapat kelulusan dari Kerajaan Kelantan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

"Adalah dijangkakan pihak kontraktor yang dipilih pihak Kementerian akan mula beroperasi pada penghujung Oktober 2024 dan jangkaan siap pada Julai 2025"

Tuan Mohd Saripudin

Domestic agriculture sector outlook remains favourable

KUALA LUMPUR: The domestic agriculture sector outlook remains favourable and is expected to remain stable in 2025 with a growth of 1.9%, supported by all subsectors except forestry and logging.

According to the *Economic Outlook* 2025 report, the oil palm subsector is poised to increase at a modest pace, underpinned by high fresh fruit bunch (FFB) production and yield,

following larger oil palm harvestable areas, favourable weather conditions, and a better labour market.

The report said the crude palm oil (CPO) price is forecast to stabilise between RM3,500 and RM4,000 per tonne due to better global production.

In addition, higher global soybean oil output and demand for CPO from major importing countries are also anticipated to stabilise prices.

Further, the rubber subsector is projected to grow, underpinned by increased natural rubber output, particularly from the smallholder segment, which remains the largest contributor to total production.

The report said other factors catalysing the subsector's growth include stable rubber prices, proactive government support, and expansion of mature rubber areas.

These factors are expected to bolster production and improve profitability for rubber producers, especially smallholders.

In addition, efforts to strengthen the food supply chain and improve resilience in the agro-food industry are expected to further propel the performance of other agriculture, livestock, and fishing subsectors.

These include intensified research

and development, commercialisation, innovation activities and measures to manage post-harvest losses.

The report noted that improved domestic spending and higher tourist arrivals will also stimulate the growth of these subsectors, catering to the growing demand for food items.

Furthermore, the National Agrofood Policy 2021-2030 will further support the subsectors' growth.

Bendi Thailand jejas jualan petani tempatan



Sukri terpaksa jual murah bendi yang ditanam akibat persaingan daripada bendi import. (Foto Ahmad Rabiul Zulkafli/BH)

Kuala Terengganu: Kemasukan sayur kacang bendi import secara tidak terkawal ke pasaran negeri ini, didakwa menjadi punca kejatuhan harga kepada hasil tanaman sama oleh petani tempatan.

Berikutan itu, petani terpaksa menjualnya dengan harga teralu murah berbanding harga pasaran bagi memastikan bendi ditanam terjual.

Tinjauan di kebun bendi dekat Kampung Kota, Manir, mendapati bendi dijual RM3 sekilogram berbanding harga pasaran RM7 sekilogram.

Petani, Sukri Ghani, 48, menyifatkan hasil bendi ditanam sejak dua bulan lalu dijual dengan harga tidak munasabah.

"Permintaan jatuh kerana pembeli lebih berminat mem-

beli bendi dari Thailand yang lebih murah.

"Mahu tak mahu kami terpaksa jual bendi pada harga yang lebih rendah untuk memastikan hasil yang dituai terjual tetapi menyebabkan kerugian.

"Harga jualan yang sepatutnya RM7 sekilogram perlu diturunkan kepada RM3 sekilogram kesan kemasukan bendi dari negara jiran yang tidak terkawal," katanya ketika ditemui di kebunnya, semalam.

Sukri yang buntu memikirkan penyelesaian masalah itu, mengeluarkan modal RM3,500 bagi mengusahakan 4,500 pokok bendi itu di tanah terbiar milik keluarga termasuk kos bersih tanah, baja, anak benih dan keperluan lain.

"Sejak dua minggu memetik

hasil dan menjualnya, pulangan diterima tidak memadai dan jika keadaan itu berterusan, saya akan mengalami kerugian yang teruk.

"Kemungkinan besar tanaman bendi itu tidak dapat diteruskan dan beralih kepada tanaman yang lebih memberi keuntungan selepas ini," katanya.

Sukri berkata, dia memilih menanam bendi berbanding sayuran lain kerana proses dan penjagaan yang tidak cerewet. Justeru, beliau berharap pihak yang bertanggungjawab memantau dan mengendahkan kemasukan sayur-sayuran dari negara jiran supaya hasil tanaman sama oleh pengusaha tempatan turut mendapat sambutan dan terjual pada harga yang munasabah.

Tingkat pengeluaran padi, sasar beras jenama sendiri

Dewan Undangan Negeri (DUN) Suka Menanti terletak dalam Parlimen Alor Setar bersama DUN Kota Darulaman dan Alor Mengkudu.

Kerusi DUN itu yang sebelum ini dikenali sebagai Bakar Batu mula dipertandingkan pada 2018 selepas per-

sempadanan semula dilakukan.

Kerusi milik Pakatan Harapan itu bertukar tangan pada Pilihan Raya Umum ke-15 apabila Perikatan Nasional memenanginya.

Ikuti temu bual wartawan *Sinar Harian*, ROSLINDA HASHIM bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)

Suka Menanti, Dzowahir Ab Ghani selepas diberi mandat untuk membangunkan kawasan berkenaan.

Bellau yang juga Exco Pertanian, Perlindungan dan Pengangkutan Kedah itu berkongsi perancangan membangunkan kawasan dan negeri dalam menuju ke arah The Greater Kedah.



DZOWAHIR

SINAR HARIAN: Portfolio YB berkaitan rapat dengan gelaran Jelapang Padi, apakah cabaran terbesar dalam usaha mengekalkan tanah sawah dan penyelesaian terbaik untuk kekal sebagai penyumbang utama beras negara?

DZOWAHIR: Arus pemodenan dan kepesatan ekonomi adalah proses evolusi yang tidak dapat kita nafikan. Ia secara tidak langsung mengakibatkan persaingan guna tanah semakin memuncak. Sumber tanah yang semakin terhad mendorong kepada perubahan guna tanah daripada pertanian (sawah) kepada bukan pertanian. Ibarat 'diluah mati emak, ditelan mati bapa', itulah hakikat yang terpaksa kita hadapi pada masa kini.

Namun, ia bukan penghalang dalam mengimbangi arus pembangunan dan agenda keterjaminan makanan. Cadangan penyelesaian antaranya pemerkasaan kawasan luar jelapang termasuk luar skem pengairan yang mana guna tanahnya adalah bendang menyumbang hampir sama penghasilan padi di kawasan jelapang.

Pelan Pembangunan Kedah 2035 menekankan agenda pengeluaran padi melalui mekanisme ested padi (ladang) bagi memastikan penghasilannya lebih efisien. Program ini dilakukan oleh Jabatan Pertanian Kedah di kawasan luar jelapang dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di kawasan jelapang.

Bagi memastikan peningkatan pengeluaran padi, kerajaan negeri memberi fokus kepada penanaman padi lima musim dua tahun agar dapat dilaksanakan sebaiknya. Agenda ini mestilah disokong melalui kaedah penanaman bersesuaian termasuk input pertanian. Namun ketidak-tentuan perubahan iklim juga perlu dititik beratkan kerana ia memberi kesan langsung kepada kawasan tanaman padi.

Saya yakin agensi berkaitan sedang berusaha menghasilkan varieti benih padi yang sesuai untuk mendepani perubahan iklim. Kebersamaan semua pihak diperlukan dalam memastikan Kedah kekal sebagai penyumbang utama beras negara.

Sebelum ini Kedah ada menyatakan hasrat mengeluarkan benih padi sendiri, sejauh mana perancangan tersebut setakat ini?

Segala perancangan perlu dibuat secara rapi dan tersusun. Setakat ini, pengurusan bawah portfolio saya akan meneroka lagi teknologi dan kaedah

AGENDA YB

berkenaan penghasilan dan pembuatan sektor pertanian. Kita akui negara seperti China, Thailand dan Eropah sudah ke hadapan dalam sektor pertanian. Teknologi serta kaedah pertanian yang dilaksanakan oleh negara maju ini dapat diaplikasikan dalam negeri untuk manfaat sektor pertanian.

Berkenaan benih padi keluaran negeri, pihak berwajib perlu kaji semula peraturan, undang-undang atau akta yang sejak sekian lama tidak dikaji bagi menyesuaikan dengan cabaran masa kini.

Terkini, kita sedang jalankan kajian secara amali dengan pihak swasta bagi meneliti keberkesanan sesuatu kaedah bersama kombinasi input pertanian dalam menjayakan agenda pengeluaran benih padi tersebut. Pelbagai faktor perlu diambil kira kerana ia berbeza mengikut lokaliti sawah.

Kedah juga pernah umumkan untuk keluarkan jenama beras sendiri iaitu Beras Kedah. Apakah perancangan itu masih diteruskan?

Kerajaan negeri memang berhasrat mengeluarkan beras jenama sendiri iaitu Beras Kedah. Namun penelitian mendalam perlu bagi memastikan tidak berlakunya situasi 'yang dikejar tak dapat, yang dikendong bercirikan'.

Ia mungkin melibatkan implikasi kepada pelbagai pihak. Perkara dasar perlu diberikan perhatian terlebih dahulu iaitu pihak berwajib perlu meneliti semula akta, peraturan atau undang-undang berkaitan. Mungkin idea tersebut boleh dicapai

secara berperingkat. Contohnya pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024, melalui Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Negeri Kedah, kita melancarkan *Kedah Signature Product* yang diberi nama D'Sempadan Beras Wangi. Sebanyak dua tan berjaya dijual dalam tempoh seminggu sejak dilancarkan pada 14 September lalu. Ini menunjukkan sambutan yang positif.

Saya percaya sambutan sama juga akan diterima apabila pengeluaran Beras Kedah dilaksanakan. Inilah langkah pertama kita ke arah memperkenalkan beras keluaran Kedah. Usaha tidak terhenti di situ kerana kerajaan negeri harapkan kajian yang dijalankan ini beri impak positif kepada pesawah, alam sekitar dan rakyat.

Kawasan Suka Menanti antara terjejas banjir, apakah solusi kepada penyelesaian masalah ini?

Permasalahan banjir di DUN Suka Menanti melibatkan kawasan berdekatan sungai dan rendah selain banjir kilat. Bagi mengatasi banjir kilat, beberapa kerja menaik taraf dan selenggara longkang tersumbat dilaksanakan di Kampung Suka Menanti dan Alor Merah.

Pusat Khidmat Wakil Rakyat bersama persatuan penduduk anjurkan gotong royong membersihkan kawasan perumahan di Taman Wira, Taman Utama, Taman Kita dan Taman Rakyat.

Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) bersama kontraktor pembersihan e-lidaman dan SWCorp turut membantu dalam kerja-kerja pembersihan bersama

PROFIL

Nama: Dzowahir Ab Ghani

Umur: 67 tahun

Asat: Kampung Pulau Pisang, Jitra

Status: Berkahwin

Pendidikan:

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan, M.B.A Marshall University Huntington, West Virginia, Amerika Syarikat (AS)
- Ijazah Sarjana Muda Sains Pemasaran-Bsc. Marketing Northern Illinois University, De Kalb, Illinois, AS

Jawatan:

- Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah
- ADUN Suka Menanti
- Ketua Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Bahagian Alor Setar

komuniti setempat. Program seperti ini dapat memupuk sikap bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan kawasan.

Bagi kerja-kerja menaik taraf dan pembersihan sungai, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menjalankan kerja-kerja mencuci sungai utama yang dikenal pasti sebagai punca banjir antaranya Sungai Alor Merah, Sungai Kampung Gunung Sali dan Sungai Terusan.

JPS akan memastikan sungai di bawah seliaan mereka dijaga dengan sempurna. Diharap dengan usaha tersebut serta penglibatan masyarakat dan agensi berkaitan dapat menyelesaikan masalah banjir di Suka Menanti.

Apakah perancangan bagi setiap portfolio YB agar Kedah terus maju ke arah The Greater Kedah?

Setiap wakil rakyat mempunyai perancangan jelas melibatkan semua agensi berkaitan. Perancangan ini diterjemahkan melalui pelan strategik portfolio yang dilancarkan pada awal tahun.

Antara perancangan di bawah portfolio saya ialah menyedarkan masyarakat bahawa pertanian boleh memberi pulangan lumayan.

Saya bersama Jabatan Pertanian Kedah memperkasakan Pusat Teknologi Mempelam Sala Kanan dengan menamakan semula kepada Pusat Mempelam Kedah. Melalui strategi ini, masyarakat diberi pendedahan bahawa pertanian yang dilaksanakan dengan cara betul dapat memberi hasil lumayan. Oleh itu, kami sedia menjadi platform pemudah cara dalam rantai makanan ini.



Dzowahir (dua dari kanan) hadir memeriahkan pertandingan memancing di pesisiran Sungai Kedah.